

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUTERA MEKANIKAL
2024
MEKANIKAL

KOD : PJM011

SUBJEK : PENGURUSAN WOKSYOP

TARIKH : 12 OGOS 2024

MASA : 9.00 PAGI – 12.00 TGH.

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJM011 – PENGURUSAN WOKSYOP

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Berdasarkan takrifan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP4.1-Pengurusan Kenderaan Kerajaan, berikan maksud ringkas seperti berikut:

- i) Kenderaan Jabatan
- ii) Kereta Rasmi Jawatan
- iii) Kereta Konsesi

(6 markah)

- b) Terdapat **dua (2)** jenis kenderaan konsesi yang dipajak oleh kerajaan. Nyatakan tempoh tahun pajakan bagi setiap jenis kenderaan berikut:

- i) Kenderaan Jabatan
- ii) Kenderaan Rasmi Jawatan

(4 markah)

- c) Setiap pembaikan kenderaan di JKR Woksyop perlu mematuhi masa pembaikan berdasarkan piagam pelanggan yang telah ditetapkan. Senaraikan **dua (2)** piagam pelanggan tersebut, berikan jangka masa pembaikan yang diperlukan dan takrifkan serta nyatakan **dua (2)** contoh kerja pembaikan yang terlibat.

(10 markah)

SOALAN 2

- a) Huraikan secara ringkas **satu (1)** fungsi brek dan nyatakan **dua (2)** jenis brek yang biasa digunakan pada sesebuah kenderaan.

(4 markah)

- b) Ketika memandu di jalan raya, anda dapati brek kurang cengkam semasa menekan brek. Berdasarkan kepada masalah tersebut, nyatakan **tiga (3)** kemungkinan punca utama kepada kerosakan tersebut dan cara mengatasinya.

(6 markah)

- c) Pemilihan tayar yang bersesuaian untuk sesebuah kenderaan adalah penting bagi memastikan kenderaan dapat berfungsi dan memberi keselesaan. Terangkan **lima (5)** faktor-faktor yang perlu diberi perhatian dalam proses pemilihan tayar.

(10 markah)

SOALAN 3

- a) Pemeriksaan kenderaan baharu kerajaan merupakan salah satu bidang kerja yang dilaksanakan oleh Woksyop Jabatan Kerja Raya. Terangkan dengan ringkas proses kerja yang perlu dilakukan untuk melaksanakan pemeriksaan kenderaan baharu.

(10 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- b) Terangkan secara ringkas tujuan setiap jenis pemeriksaan dan penilaian seperti berikut:
- i) Pemeriksaan kenderaan baharu
 - ii) Penilaian kenderaan terpakai untuk pinjaman kerajaan
 - iii) Pemeriksaan dan penilaian kenderaan untuk Sijil Perakuan Pelupusan (PEP)
 - iv) Pemeriksaan dan penilaian kerosakan kenderaan akibat kemalangan
 - v) Pemeriksaan Keselamatan Dan Prestasi Kenderaan Jabatan

(10 markah)

SOALAN 4

- a) Berdasarkan Pekeliling Perbendaraan WP4.1 Pengurusan Kenderaan Kerajaan, Lampiran E1, terdapat tiga (3) kriteria pertimbangan untuk mendapatkan Sijil Perakuan Pelupusan (PEP) bagi sesebuah kenderaan. Terangkan **tiga (3)** kriteria untuk melayakkan proses pelupusan sesebuah bas dapat dilaksanakan dan nyatakan jumlah kriteria yang diperlukan bagi melayakkan sebuah bas itu dilupuskan.

(7 markah)

- b) Berpandukan Pekeliling Perbendaraan AM2.6 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Pelupusan, nyatakan jumlah (RM) had nilai setiap keperluan Perakuan Pelupusan (PEP) bagi:
- i) Aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik
 - ii) Perkakasan komputer

(4 markah)

SOALAN 4 (sambungan)

c) Sebuah Jabatan Kerajaan berhasrat melupuskan sebuah kenderaan jenis pacuan empat roda yang dibuat pada tahun 2008. Nilai pembelian asal adalah RM 110,000.00. Berpandukan kadar susut nilai yang dikeluarkan oleh JKR Woksyop, didapati susut nilainya adalah sebanyak 34%. Selepas pemeriksaan dijalankan, didapati nilai anggaran kerosakan adalah RM 8,000.00. Berpandukan maklumat di atas, lengkapkan maklumat Kew.Pa-16 tersebut:

- i) Anggaran Kos Penyelenggaraan Semasa
- ii) Nilai Semasa
- iii) Anggaran Nilai Selepas Diperbaiki

(6 markah)

d) Bagi memastikan kerajaan memaksimumkan keuntungan hasil dari penjualan aset yang dilupuskan, penjualan secara sisa besi adalah tidak digalakkan. Berikan **tiga (3)** kriteria yang membolehkan kenderaan dilupuskan secara sisa besi.

(3 markah)

SOALAN 5

a) Huraikan secara ringkas tafsiran / maksud kaedah perolehan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan seperti berikut:

- i) Pembelian terus
- ii) Sebutharga

(4 markah)

b) Terangkan definisi Pesanan Kerajaan dan Inden Kerajaan serta nyatakan perbezaan antara kedua-duanya.

(6 markah)

c) Nyatakan **empat (4)** faedah yang diperolehi apabila mengamalkan pengurusan kawalan stok yang cekap dan berkesan.

(4 markah)


SOALAN 5 (sambungan)

- d) Sesuatu alat ganti kenderaan perlu disimpan stok bagi membolehkan pembaikan kenderaan dapat dilaksana segera apabila kerosakan berlaku. Walau bagaimanapun paras stok maksimum alat ganti tersebut perlu bersesuaian agar kadar pusingan stok bergerak dengan lancar. Nyatakan **tiga (3)** faktor yang perlu diberi perhatian dalam penentuan paras stok yang perlu disimpan di dalam stor.

(6 markah)

SOALAN 6

- a) Berdasarkan **gambar rajah 6(a)** di bawah, berikan nama peralatan bertanda **(i)** hingga **(iv)** dan terangkan secara ringkas fungsinya serta nyatakan **satu (1)** contoh kerja pembaikan peralatan tersebut.




Gambar rajah 6(a)

(12 markah)

SOALAN 6 (sambungan)

b)


**Gambar rajah 6(b)**

Gambar rajah 6(b) di atas adalah peralatan yang digunakan untuk mengukur.

- i) Namakan peralatan dalam **gambar rajah 6(b)** dan nyatakan dua (2) jenis ralat sifar (*zero error*) yang mungkin berlaku.

(4 markah)

- ii) Berdasarkan **gambar rajah 6(c)** di bawah, berikan bacaan yang betul bagi peralatan bertanda (i) dan (ii). Andaikan tiada ralat sifar pada peralatan tersebut.

**Gambar rajah 6(c)**

(4 markah)

SOALAN 7

- a) Senaraikan **empat (4)** tanda amaran / larangan / keselamatan yang kebiasaannya terdapat di dalam sesebuah bengkel.

(8 markah)

- b) Terangkan secara ringkas fungsi Alat Pelindung Keselamatan (*PPE*) dan berikan **dua (2)** contoh kerja bengkel yang melibatkan penggunaannya:

- i) Pelindung Mata Jernih
- ii) Pelindung Pernafasan
- iii) Pelindung Pendengaran
- iv) Kasut Keselamatan

(12 markah)

SOALAN 8

- a) Penyelenggaraan ke atas sebuah kenderaan adalah penting dan perlu dilakukan secara teratur. Nyatakan **empat (4)** kepentingan penyelenggaraan kenderaan.

(8 markah)

- b) Sebuah kenderaan jabatan telah memohon untuk melaksanakan servis kerana telah mencapai tempoh masa yang ditetapkan. Pemeriksaan yang dibuat mendapati kenderaan tersebut memerlukan *major service*.

- i) Terangkan dengan terperinci apakah yang dimaksudkan dengan pelaksanaan *major service*?
- ii) Nyatakan dengan lengkap proses kerja servis ini

(12 markah)

SOALAN 9

Penilaian keselamatan dan prestasi kenderaan perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Pemeriksaan boleh dilaksanakan secara manual atau menggunakan *Vehicle Testing Line*.

- a) Merujuk kepada Prosedur Pengurusan Penyenggaraan dan Penilaian Kerajaan, nyatakan dengan ringkas tujuan penilaian keselamatan dan prestasi kenderaan dilaksanakan kepada kenderaan kerajaan.

(4 markah)

- b) Terangkan secara ringkas **Iapan (8)** jenis pemeriksaan dan pengujian yang dibuat oleh JKR semasa melaksanakan penilaian keselamatan dan prestasi kenderaan.

(16 markah)

SOALAN 10

Terdapat kesan minyak pada lantai parkir sebuah kenderaan jabatan. Pemeriksaan lanjut mendapati berlaku kebocoran minyak pada enjin kenderaan tersebut.

- a) Nyatakan punca berlakunya kebocoran ini dan cara untuk mengelakkannya berlaku.

(10 markah)

- b) Memandangkan usia kenderaan melebihi 15 tahun, anda membuat keputusan enjin tersebut perlu ditukar baharu dengan kos sebanyak RM30,000.00 hingga RM40,000.00. Nyatakan kaedah perolehan yang sesuai untuk digunakan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk pelantikan kontraktor.

(10 markah)
